

## **Analisis Novel ‘Perempuan Politikus Melayu’ Karya Faisal Tehrani Dalam Pembentukan Pemikiran Politik**

*Analysis of Faisal Tehrani’s Novel ‘Perempuan Politikus Melayu’ in the Formation of Political Thought*

Nur Dazelin Dieyza Hasmadi  
<sup>1</sup>Sharifah Nursyahidah Syed Annuar

Program Sains Politik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>shnursyahidah@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Novel merupakan antara salah satu ejen komunikasi politik yang digunakan untuk menyampaikan doktrin yang mampu mengubah persepsi khalayak. Lantaran itu, novel yang dikenali sebagai sastera moden ini mempunyai kaitan rapat dengan sub-bidang politik dalam mengetengahkan pola pemikirannya. Justeru, penulisan sastera tidak lompong malahan ia mempunyai pandangan, ideologi serta visi dan misi yang cuba diterapkan. Oleh yang demikian, Novel Perempuan Politikus Melayu karya Faisal Tehrani merupakan antara karya terbaik dalam memotretkan citra pemikiran politik. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti bentuk pemikiran yang cuba diterapkan oleh Faisal Tehrani dalam menganalisis aspek politik melalui konsep realisme sosial. Menerusi konsep ini, kritikan sosial yang dibina adalah selari dengan keadaan politik yang berlaku ketika penghasilan novel ini digarap. Kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif digunakan dalam menilai pemikiran politik yang cuba diterapkan oleh Faisal Tehrani. Metodologi kajian ini berfokuskan kepada analisis teks serta kritikan politik yang terdapat dalam Novel Perempuan Politikus Melayu. Selain itu, kaedah temu bual turut digunakan bagi menguatkan dapatan kajian. Hasil perbincangan mendapati bahawa setiap karya sastera khususnya penulisan novel mempunyai identiti penulisan yang tersendiri dalam mengetengahkan corak pemikiran penulis secara tidak langsung. Penelitian terhadap Novel Perempuan Politikus Melayu menunjukkan gaya penulisan yang bersifat kritikal dan agresif dalam mengkritik ahli politik yang melakukan korupsi, menindas rakyat dan tidak amanah. Tambahan pula, penciptaan watak yang bersifat sarkastik, protes dan menentang secara tidak langsung melihatkan bahawa pengarang cuba membina plot penceritaan yang menentang pemimpin yang tidak telus dan kapitalisme. Ringkasnya, hasil penelitian mendapati pengarang menggunakan permasalahan politik dalam wacana karya novelnya.*

**Kata kunci:** *Perempuan Politikus Melayu, Faisal Tehrani, Realisme Sosial, Komunikasi Politik, Sastera*

### **ABSTRACT**

*Novels are one of the political communication agents used to convey a doctrine that can change the public’s perception. Furthermore, the novel, which is also known as modern literature, is closely related*

*to the sub-field of politics in highlighting its ideas. So, literary writing is not empty, in fact, it has views, ideologies as well as visions and missions that are tried to be implemented. Therefore, the novel Perempuan Politikus Melayu by Faisal Tehrani is one of the best novels in portraying political thought. Concerning that, this study will analyze the political thought that Faisal Tehrani tries to impose in analyzing political aspects through the concept of social realism. Through this concept, social criticism is parallel to the political situation that occurred when this novel was written. Descriptive qualitative research methods are used in evaluating the political thought that Faisal Tehrani tries to apply. The methodology of this study focuses on text analysis as well as political criticism found in the novel. In addition, the interview method was also used to strengthen the findings of the study. The results of the discussion found that every literary work, especially novel, has its own writing identity in highlighting the author's thinking pattern indirectly. This study on Perempuan Politikus Melayu shows a critical and aggressive writing style in criticizing politicians who commit corruption, oppress the people, and are untrustworthy. Furthermore, the creation of characters that are sarcastic, protesting, and defiant indirectly shows that the author is trying to build a narrative plot that opposes opaque leaders and capitalism. In summary, the study found that the author uses political issues in the discourse of his novel.*

**Keywords:** *Perempuan Politikus Melayu, Faisal Tehrani, Social Realism, Political Communication, Literature*

## 1. Pengenalan

Sastera dan politik merupakan dua disiplin ilmu yang berbeza namun saling berkait rapat. Hal ini demikian kerana, kedua-dua bidang ini terbentuk hasil daripada interaksi manusia dan kehidupan. Sehubungan dengan itu, penulisan sastera ini dikatakan tidak lahir dalam ruang yang kosong dan mempunyai intipati yang hendak disampaikan. Dalam erti kata lain, melalui karya sastera, mereka melahirkan pandangan, ideologi, misi dan visi berkaitan tentang politik dan kehidupan (Che Abdullah 2015). Setiap penceritaan, hiburan, pendidikan dan kritikan sosial digarap menjadi sebuah coretan yang mengandungi sensitiviti, emosi, wawasan dan harapan seseorang pengarang untuk disampaikan kepada pembaca. Justeru itu, kebanyakan pengarang pada dekad terawal penulisan karya kreatif di Malaysia ini menghasilkan karya yang mencerminkan realiti dan kehidupan masyarakat serta menjadikan karya sastera sebagai wadah untuk mengkritik kebobrokan yang berlaku dalam ruang lingkup kehidupan. Jadi pada dasarnya, sastera dan politik ini ibarat entiti yang saling memerlukan bahkan ianya tidak boleh dipisahkan dalam kalangan masyarakat. Maka tidak hairan, jika terdapat beberapa pengarang Melayu yang mengungkapkan persoalan politik masyarakat dengan menggunakan perlambangan, metafora, alegori dan satira dalam karya mereka untuk mengulas dan mengkritik kepincangan yang berlaku dalam sistem pemerintahan mahupun kehidupan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, penulisan sastera ini dikatakan sebagai salah satu wadah untuk menyedarkan masyarakat tentang kebobrokan yang berlaku meskipun ada yang beranggapan bahawa sastera ini sebagai suatu pendekatan yang lapuk dalam mencorak nilai waima mengubah sistem berpolitik.

Oleh yang demikian, penulisan novel ini dianggap sebagai salah satu cabang terhadap komunikasi politik dimana idea atau pendapat yang disampaikan melalui karya sastera ini dianggap sebagai informasi politik kepada masyarakat umum. Ini lebih dikenali sebagai teknik berkomunikasi yang berkesan kerana berjaya mempengaruhi khalayak dan memberi dampak tertentu kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, objektif penulisan novel ini selalunya untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat. Justeru itu, ianya selari dengan tanggapan Dan Nimmo

(1993), berkaitan dengan komunikasi politik yang membicarakan tentang kekuasaan untuk mempengaruhi orang lain dengan menyampaikan pesan-pesan politik. Lantaran itu, tidak hairan apabila pada tahun 70-an, dunia penulisan ini semakin berkembang. Ini disebabkan fungsi komunikasi politik yang berlaku pada struktur masyarakat (infrastruktur politik) yang dikenali sebagai *socio political sphere* semakin terkedepan dengan idea penulisan yang menyentuh isu-isu semasa. Tambahan pula, menurut Hashim Ismail (2010), dalam bukunya *Kesusasteraan Melayu Moden 1980-1989*, kegiatan penulisan seperti bengkel dan pertandingan yang dianjurkan mendapat sokongan yang kuat daripada kerajaan pada ketika itu. Hal ini disebabkan, dunia sastera pada ketika itu berhasil menonjolkan pelbagai bentuk pemikiran masyarakat.

Namun begitu, seiring peredaran zaman, banyak penerbit yang tidak sanggup menerbitkan manuskrip disebabkan kejatuhan genre Kesusasteraan Melayu akibat kekurangan pembaca dan penghayatan terhadap penulisan novel Melayu yang kritikal. Ini melihatkan bahawa para pembaca sudah bosan dan memerlukan pembacaan yang mengangkat tema realisme sosial masyarakat. Justeru itu, pada tahun 80-an sebegitu, kebanyakan penulis meneroka perubahan dari segi penulisan dan teknik kepengarangan dengan menerapkan pendekatan teori dalam penulisan. Maka disinilah lahir kesusasteraan 'Indie' yang menjadikan ruang penulisan sebagai alternatif untuk menyiarkan karya mereka dengan lebih santai dan tidak terikat dengan mana mana peraturan dalam undang-undang penerbitan disebabkan karya penerbitan indie ini diselia dibawah penerbit swasta dan bukannya kerajaan. Tambahan pula, pada tahun sekitar 90-an perkembangan Kesusasteraan Melayu menjadi rancak kembali dengan perubahan dunia penulisan yang mula membawa pendekatan baru dengan penulisan karya sinis, bersifat protes, paradoks dan melankolik (Hashim Ismail 2010). Maka daripada itu, muncul novel-novel seperti *Imam* (1995), *Nogogho Astana* (1997) dan *Shit* (1999) yang menggegarkan kembali etos dunia penulisan. Hal ini terjadi apabila penonjolan isu-isu semasa yang semakin liar dan pantas menyebabkan para pengkarya menggunakan ruang ini untuk mengekspresikan karya-karya mereka dalam bentuk penulisan.

Selain itu, peralihan fasa era 'Milenium Baru' yang tercetus telah melahirkan penulis-penulis baharu yang berani dalam mengutarakan hujah-hujah kritikal untuk mencari kebenaran. Lantaran itu, kewujudan Faisal Musa atau nama penanya Faisal Tehrani dalam dunia kesusasteraan adalah tidak asing lagi. Beliau merupakan antara penulis yang berani dalam mengkritik dan mengetengahkan isu yang berkaitan dengan permainan politik, agama dan kehidupan. Beliau juga berpengalaman dalam menghasilkan pelbagai genre penulisan sastera sehingga mencetuskan fenomena dan karyanya dianggap unik. Tambahan lagi, pencapaian beliau dalam dunia sastera ini telah mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Pencapaian tersebut secara tidak langsung membantu dalam perkembangan sastera tanah air. Kecenderungan beliau dalam menghasilkan novel dengan mengetengahkan pelbagai pemikiran, gagasan, persoalan dan sebagainya, telah meletakkan dirinya pada indiosinkrasi tersendiri (Fauzi Hassan, Tengku Intan & Madiawati Mamat 2019). Justeru itu, beliau dinilai sebagai penulis yang prolifik dan bukan hanya mahir menulis tetapi juga mengkritik dan mengisi sesuatu yang ingin disampaikan melalui kritikan atau perspektif terhadap karya sastera. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji salah satu novel beliau iaitu *Perempuan Politikus Melayu* untuk menganalisis impak yang dicetuskan oleh Faisal Tehrani dalam pembentukan pemikiran politik Masyarakat.

## 2. Tinjauan Literatur

Sorotan kajian ini akan memperlihatkan beberapa penemuan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dalam konteks penulisan sastera sebagai pengaruh pembentukan pemikiran politik. Namun begitu, kajian-kajian yang disorot ini tidaklah memenuhi sepenuhnya perspektif kajian secara menyeluruh memandangkan wujudnya perbezaan novel yang dikaji disamping tokoh pengarangnya yang berbeza. Lantaran itu, terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang paling hampir dengan skop kajian akan diguna pakai untuk dijadikan panduan bagi memperdalam dan memperhalusi perbincangan kajian.

Abdul Halim Ali (2011), mengkaji tentang *Proses Kreativiti A. Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme* mendapati proses kepengarangan A. Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh Teori Teksdealisme, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan peringkat individualiti. Analisis yang dijalankan melalui perbincangan deskriptif telah membuahkan hasil apabila proses kepengarangan A. Samad Said ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengamalan beliau daripada hanya seorang anak sebuah keluarga yang menerima bahana peperangan, kemudian menjadi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang tekal hinggalah menjadi novelis, penyair, cerpenis dan akhir ditabalkan sebagai Sasterawan Negara. Lantaran itu, beliau telah menulis sebuah Novel yang bertajuk *Salina* yang membuka dan membongkar segala perit getir pengalaman hidup manusia Melayu yang tersepit dalam kerosakan masyarakat akibat perang. Novel yang digarap ini merupakan pengalaman asal beliau yang pernah melalui sendiri pengalaman hidup yang musnah akibat peperangan. Kesan daripada itu telah meninggalkan titik yang sangat tragis dalam naluri kemanusiaannya lalu digarap menjadi cerita untuk iktibar kepada masyarakat hadapan. Isu-isu yang diambil juga relevan dengan kehidupan nyata kini yang penuh dengan penderitaan, kehalobaan dan kecurangan masyarakat. Meskipun peperangan tidak lagi berlaku namun melalui novel *Salina* kehadiran perang telah memberi gambaran buruk dan watak-waktu yang diciptakan dalam novel tersebut memberi gambaran realistik tentang mangsa-mangsa perang yang penuh kecewa dan derita dalam harus kehidupan yang terus ditekan oleh penguasa. Justeru itu, melalui kajian ini juga, beliau menyatakan bahawa A. Samad Said ini sebagai seorang sasterawan yang *versatile* yang telah mencapai tahap keunggulan penulisannya yang berasaskan empat peringkat proses yang telah dibincangkan.

Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakob Hassan & Muhammad Haron Husaini (2013), menerusi kajian *Permasalahan Sosial dan Politik Dalam Novel Terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad* berusaha untuk meneliti dan menganalisis permasalahan berkaitan sosiopolitik masyarakat di dalam novel *al-Qāhirah al-Jadīdah* (1946), *Baina al-Qasrain* (1956), *Qasru al-Syauq* (1957), *al-Sukariyyah* (1957), *al-Sumān wa al-Kharīf* (1962) dan *al-Marāya* (1972) yang ditulis oleh Najib Mahfuz dan novel *Terdedah* (1965), *Menteri* (1967), *Perdana* (1969), *Seluang menodak Baung* (1978), *Tunggul-tunggul Gerigis* (1988), dan *Sutan Baginda* (1989) Shahnnon Ahmad. Perbincangan dijalankan untuk melihat dan mengukur sejauhmana permasalahan yang diketengahkan dalam karya-karya mereka sebagai satu manifestasi kepada fenomena sosial semasa. Menerusi dua belas novel pilihan ini, secara keseluruhannya melihatkan triologi kejayaan Najib Mahfuz dalam merakamkan kembali permasalahan dalam kehidupan masyarakat dan situasi politik negara Mesir manakala Shahnnon Ahmad pula berjaya menghidupkan watak-watak dalam novelnya yang berjaya menggambarkan keadaan politik dan perangai ahli politik yang sebenar. Meskipun wujud perbezaan dari segi plot penceritaan dan watak yang dibina,

namun mesej yang ingin disampaikan oleh kedua-dua penulis novel tersebut adalah sama iaitu keperluan kepada gerakan-gerakan politik kembali kepada tujuan dan landasan yang sebenar. Ini secara signifikannya menggambarkan bahawa, menerusi penulisan novel, mereka menginginkan para pembaca untuk mempunyai pandangan yang sama dengan mereka dan sekali gus bersetuju dengan pendapat yang diutarakan. Oleh yang demikian, menerusi kajian yang dibawa oleh Ahmad Redzudin Ghazali, Yaakob Hassan & Muhammad Haron Husaini (2013), mereka cuba menyimpulkan bahawa, permasalahan politik semasa yang cuba ditonjolkan oleh kedua-dua penulis novel tersebut ke dalam karya-karya kreatif mereka adalah sesuatu yang hebat. Kerakusan politikus yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri adalah isu yang mendominasi setiap penulisan mereka berserta amalan nepotisme dan rasuah berleluasa yang menjadi kunci utama penulisan dalam usaha mendedahkan kepada pembaca tentang kepentingan pengamalan nilai murni dalam diri.

Bayangan Wacana Politik Dalam Karya Sastera: *Analisis Novel Kawin-Kawin* oleh Che Abdullah Che Ya (2015) menyentuh isu dalam masyarakat termasuklah isu sosio-budaya, ekonomi dan politik. Beliau menekankan bahawa pengarang novel ini seringkali menggunakan karya sastera untuk melahirkan pandangan, ideologi, wawasan dan harapan mereka. Oleh yang demikian, karya sastera ini dianggap sebagai satu pendekatan dalam memberi gambaran politik. Kajian ini dijalankan melalui analisis karya sastera sebagai respons terhadap peristiwa politik yang berlaku. Menerusi analisis novel *Kawin-kawin* karya Azizi Haji Abdullah ini, isu yang diangkat sebagai medan penumpuan politik ialah tentang pertentangan ideologi dalam masyarakat Melayu, penyelewengan kuasa pemimpin, gejala rasuah dan kronisme. Beliau mendapati bahawa pengarang menggunakan permasalahan politik semasa sebagai idea dalam wacana karya novelnya. Menerusi analisis beliau lagi, pengarang novel tersebut turut dengan jelas menyentuh persoalan politik yang berkaitan dengan ideologi dan kepercayaan pengarang sebagai ahli PAS sendiri. Maka demikian, beliau percaya bahawa karya politik yang mempunyai hubungan erat dengan media sesuai untuk dijadikan konteks perbincangan lewat penulisan disebabkan cara penyampaiannya yang agak santai dan tidak terlalu tegang. Teknik penyampaian secara tersurat mahupun tersirat telah berjaya untuk menyentuh situasi politik semasa di negara Malaysia yang memperlihatkan pertentangan ideologi yang ketara antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Penggunaan teknik satira melihatkan pengarang sungguh bijak menyampaikan pemikiran dan pandangan beliau berkenaan dua parti tadi. Justeru itu, Che Abdullah Che Ya dengan jelas menyatakan bahawa analisis novel *Kawin-Kawin* ini merupakan respons situasi politik yang berlaku dalam negara. Medium penulisan dijadikan saluran komunikasi dalam menuntut pemikiran dan penyelidikan masyarakat meskipun manuskrip yang digunakan banyak bermain dengan lambing dan simbol yang perlu dirungkai sendiri oleh pembaca.

Sorotan kajian yang ditulis oleh Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015) mengenai *Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad* mempunyai tujuan khusus untuk melihatkan pemikiran politik dalam novel *Shit* dan *Patriarch*. Hasil sorotan tersebut merumuskan bahawa melalui analisis kaedah kepustakaan, menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci melihatkan bahawa pengalaman pengarang dalam dunia politik tanah air membenarkan kritikan langsung berdasarkan kepada sikap pemimpin politik yang ditimbulkan dalam karyanya berhasil menggambarkan kepincangan dalam dunia politik itu sendiri. Dapatan beliau juga merumuskan bahawa kepincangan dalam dunia politik yang digariskan oleh Shahnnon Ahmad akibat daripada

sikap pemimpin itu kebanyakan ditulis dan digarap daripada kisah benar melalui pengalaman Shahnnon Ahmad sendiri yang pernah terlibat dalam politik tanah air. Hasil daripada pengalaman tersebut, Shahnnon Ahmad mengemukannya dalam bentuk karya kreatif untuk memberi gambaran realiti kepada khalayak tentang pemikiran politik yang sebenar. Lantaran itu, beliau berhujah bahawa pemikiran politik dalam novel Shahnnon Ahmad ini disandarkan kepada pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihatkan sikap sebenar pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Tambahan pula, secara tidak langsung, ia telah melihatkan sastera dan politik ini mempunyai perkaitan rapat dalam menterjemahkan isu politik. Antaranya contoh yang boleh diketengahkan ialah berkaitan pemimpin yang mementingkan kuasa, mementingkan diri, membelakangkan soal agama dan kejam dalam pemerintahan yang ditonjolkan menerusi pembinaan plot penceritaan dan watak-watak yang diciptakan. Kebolehan analisis yang dibuat dimantapkan dengan penggunaan teori Konseptual Kata Kunci yang mengandungi tiga prinsip utama iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan memberi impak kepada isi kandungan yang digarap dalam novel *Shit* dan *Patriarch*. Justeru itu, beliau menggariskan kekuatan Shahnnon Ahmad dalam penulisannya yang terletak pada kepintaran dalam mentransformasikan sesuatu perkara ke dalam bentuk karya kreatif terutamanya perihal politik dan masyarakat adalah sesuatu yang berjaya. Demikian itu, karya novel yang bergenre isu semasa dan politik ini turut menjadi kegemaran dalam kalangan masyarakat kerana lebih menarik dan fleksibel untuk bacaan dan tatapan khalayak.

Seterusnya, kajian daripada Zabidin Ismail (2018) berkenaan dengan *Pemikiran Politik dalam Karya Burhanuddin Al-Helmi* menjelaskan bahawa tujuan kajian tersebut adalah untuk mengesan dan menganalisis pemikiran politik Dr Burhanuddin Al-Helmi yang merupakan seorang nasionalis berhaluan kiri yang bergiat aktif dalam penulisan buku-buku yang mengandungi pemikiran politik. Sehubungan dengan itu, untuk mencapai objektif kajian tersebut, penggunaan teori perjanjian kemasyarakatan (*The Social Contract Theory*) telah diaplikasikan dan hasil kajian mendapati bahawa aspek pemikiran politik yang cuba diterapkan dalam karya Dr Burhanuddin adalah berkaitan dengan nasionalisme Melayu, antikolonialisme dan negara-bangsa. Pengenal-pastian ini ditemui melalui analisis isi kandungan yang dijalankan dan diperhalusi dengan kaedah kepustakaan. Lantaran itu, wacana naratif, unsur-unsur instrinsik manipulatif yang membentuk mesej politik dapat dikenal pasti dan digunakan dalam membincangkan pemikiran politik itu sendiri berserta gambaran yang diolah oleh pengarang. Secara teknikalnya, sorotan kajian ini menggambarkan bahawa, Dr Burhanuddin Helmi ini bukan sahaja seorang perjuang nasionalis malahan idea-idea yang cuba disampaikan oleh beliau disemat dalam buku agar tidak lapuk dan boleh menjadi rujukan kepada generasi muda. Ideologi politik yang digarap itu menurut sorotan kajian adalah relevan untuk digunakan pada bila-bila masa.

Fauzi Hasan et.al (2019), melalui kajiannya berkenaan *Pemikiran Faisal Tehrani Berdasarkan Novel-Novel Pilihan* telah mendalami aspek pemikiran yang digarap, dikupas dan ditonjolkan oleh Faisal Tehrani sepanjang penglibatan beliau dalam menulis novel. Kajian tersebut telah meneliti pemikiran-pemikiran yang diangkat dalam enam karya unggul Faisal Tehrani iaitu novel *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2010), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* (2016). Penggunaan kaedah kualitatif dengan melakukan pembacaan novel secara mendalam membolehkan pemikiran-pemikiran yang diketengahkan oleh Faisal Tehrani dikenalpasti dan dianalisis. Demikian itu, beliau menghujahkan bahawa pemikiran-pemikiran

seperti sosioekonomi, politik dan kepemimpinan, keagamaan dan sisi sosial cuba diterapkan oleh Faisal Tehrani dalam penulisan novelnya seiring dengan kematangan penulisanannya. Justeru itu, pemikiran-pemikiran ini menjadi pemangkin kepada ideologi, falsafah dan membina individualism dalam kepengarangan Faisal Tehrani. Hal ini demikian kerana, sepanjang analisis dijalankan konteks pemikiran tersebut seringkali diungkapkan secara berterusan dalam novel-novelnya. Kupasan lanjut daripada beliau mendapati bahawa corak penulisan Faisal Tehrani ini banyak menyentuh aspek politik, ekonomi dan sosial disebabkan Faisal Tehrani itu sendiri adalah sebahagian daripada ahli masyarakat, maka idea yang terkandung dalam karyanya muncul dari segi pantulan daripada masyarakat itu sendiri. Bahkan, karya sastera ini secara tidak langsung mengajak khalayak untuk menganalisis serta mentafsirkan maknanya yang berpaut erat dengan pengalaman manusia. Lantaran itu, karya sastera ini juga berfungsi untuk mencatat dan menganalisis segala gerak kehidupan manusia sehingga karya sastera ini dianggap sebagai wadah yang berpengaruh dalam membentuk pemikiran masyarakat. Maka daripada itu, kenyataan tersebut menerangkan bahawa pemikiran Faisal Tehrani ini saling bertindih dan melengkapi antara satu sama lain sehingga berjaya menggambarkan tentang realiti masyarakat.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif yang menilai pemikiran politik yang cuba disampaikan oleh Faisal Tehrani melalui pembacaan novel secara mendalam oleh pengkaji sendiri dan beberapa informan terpilih yang terdiri daripada golongan belia daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dalam memahami makna kandungan novel *Perempuan Politikus Melayu* dan pengkaji juga akan menemu bual Faisal Tehrani bagi melengkapkan kajian terhadap peranan sasterawan dalam membentuk landskap pemikiran politik dalam kalangan masyarakat. Meskipun begitu, perbincangan akan lebih difokuskan kepada analisis teks karangan serta kritikan politik yang tertulis di dalam buku-bukunya. Oleh yang demikian, kaedah yang relevan dalam pengumpulan data ialah dengan menganalisis isi kandungan atau *content analysis* dan dibantu oleh penyelidikan kepustakaan. Lantaran itu, beberapa maklumat perlu diperolehi terlebih dahulu untuk melengkapkan kerangka konseptual dan sorotan kajian lepas yang diperolehi daripada sumber sekunder. Sumber sekunder ini diperolehi daripada jurnal, majalah, makalah, akhbar dan laman sesawang serta beberapa bahan lain yang berkaitan. Bahan-bahan ini boleh didapati di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala sumber sekunder yang lain diakses secara langsung daripada pelbagai laman sesawang sama ada dari dalam mahupun luar negara.

### **4. Dapatan dan Perbincangan**

#### *4.1.1 Analisis Pemikiran Kepengarangan Novel Faisal Tehrani*

Menerusi pembacaan secara mendalam yang dibuat oleh pengkaji, novel ini didapati mengetengahkan pemikiran kepolitikan yang menyentuh tentang situasi politik dalam negara. Fokus yang diketengahkan dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* ini adalah lebih kepada anti-penindasan dan berkenaan peranan dan tanggungjawab pemimpin dalam memacu negara ke arah kemakmuran dan kemajuan yang saksama. Demikian itu, dalam konteks pemikiran yang bergenre politik, Faisal Tehrani, lebih menumpukan kepada nilai atau sahsiah pemimpin dalam menyorot dan menimbulkan persoalan berkaitan keadilan. Lantaran itu, ideologi sosialisme secara tersirat telah diungkapkan dengan menggambarkan tema dan jalinan plot novel serta

wacana penulisan yang mengkritik kapitalisme dan kebokbrokan sosio-ekonomi yang berlaku. Tunjang utama dalam penulisan novel ini seakan-akan memaparkan tentang perjuangan kelas mahupun rakyat yang cuba bangkit daripada penjajahan era baru melalui pembangunan negara. Justeru itu, bagi menampakkan real politik sebenar, Faisal Tehrani telah menyetengahkan aspek pemimpin dan kepimpinan dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* bagi melihatkan ideologi watak yang dibina.

Menerusi tema induk yang ambil adalah berkaitan dengan realisme sosial yang turut menyentuh aspek politik dan ekonomi dalam menjelaskan tentang situasi yang berlaku berkaitan dengan ketamakkan orang yang memiliki kuasa dalam mengaut keuntungan dan mengumpul kekayaan. Pemimpin politik yang digambarkan melalui watak Datuk Zuri merupakan watak penting dalam menggerakkan cerita yang berunsur politik mengikut olahan yang dibuat oleh Faisal Tehrani. Namun begitu, jika dinilai dalam konteks peranan dan tanggungjawab dalam menggerakkan sesebuah organisasi mahupun dalam aspek kepimpinan, penciptaan watak Datuk Zuri ini sama sekali bertentangan dengan ciri-ciri dan peranan seorang pemimpin. Hal ini demikian kerana, sebagai seorang pemimpin, mereka merupakan penguasa negara yang memerintah dan mengetuai dalam memperjuangkan parti, hala tuju masyarakat dan negara (Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul, 2015). Lantaran itu, tanggungjawab dan peranan yang dimainkan seharusnya membawa masyarakat dan negara ke arah pembangunan yang maju tanpa sebarang masalah. Namun begitu, menerusi watak Datuk Zuri, pengarang telah menciptakan karakter yang lebih dekat dan tampak 'real' dalam keadaan politik semasa negara iaitu sifat tamak, tidak adil dan amanah dalam menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat.

Penciptaan karakter yang suka menindas rakyat dan mempunyai kuasa yang dominan menyebabkan peranan sebagai penguasa negara yang membela dan menjaga keadilan tidak ditonjolkan dalam diri pemimpin disebabkan oleh ketertarikan Faisal Tehrani untuk mendedahkan perangai sebenar kebanyakan ahli politik. Hal ini dapat dilihat melalui pelukisan watak Jenny yang mengkritik Datuk Zuri sebagai ahli politik oleh Faisal Tehrani (2000) dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*

*“Politician dia buat sewenang-wenang, dan megah dengan apa yang dibuatnya. Kalau kau nak kata ahli politik menghalalkan cara demi matlamat itu sesuai...”*

Jika diperhatikan, petikan di atas menunjukkan kepada pengenalan watak pemimpin yang mementingkan kuasa dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*. Menerusi pandangan yang dilontarkan oleh watak Jenny ini ia telah menunjukkan bagaimana pengarang membuat imbasan awal terhadap sikap pemimpin melalui sudut pandang rakyat biasa seperti Jenny. Penggunaan ayat “ahli politik menghalalkan cara demi matlamat” ini merupakan refleksi daripada pemikiran Machiavelli menerusi karya *The Prince* yang berkaitan dengan pentadbiran negara. Ini dapat dilihat dari ungkapannya dalam *The Prince*:

*“In the action of all men, we must look to the end. Let a prince, therefore, win victories and uphold his state; his methods will always be considered worthy, hence the dictum, ‘The end Justifies the Means.’”*

Falsafah politik Machiavelli ini merupakan pemikiran yang agak radikal dengan mengenyahkan nilai moral dan memberi idea bahawa setiap ahli politik perlu berpura-pura dan



menjadi hipokrit dalam kehidupan hariannya. Menerusi cara tersebut, beliau beranggapan, bahawa kuasa dapat dikekalkan apabila pemimpin mempunyai kemahiran dalam berbohong, berbicara dan mengabaikan pertimbangan moral. Setiap ciri-ciri yang diketengahkan oleh Machiavelli ini diambil dan dibentuk menjadi karakter yang dibawa oleh Datuk Zuri. Lantaran itu, Datuk Zuri suka menindas dan menipu rakyat Jentayu berkaitan dengan nilai tanah. Segala cara digunakan oleh Datuk Zuri untuk menghalau penduduk Jentayu dengan memusnahkan hasil tanaman padi dan kebun-kebun milik penduduk di Kampung Jentayu.

Kesan daripada itu, kuasa yang dimilikinya telah memberi peluang kepada dia untuk memaksa orang lain (orang suruhan) dalam melakukan perkara mengikut kehendaknya meskipun ia bertentangan dengan kemahuan individu yang lain. Hal ini telah menyebabkan individu yang memiliki kuasa beranggapan mereka mempunyai peranan penting dalam masyarakat dan pendapat mereka berharga sehingga lupa diri dan lupa daratan setelah mendapatkan kuasa yang diinginkan (Arba'ie Sujud, Siti Salihahs & Siti Rabiatul, 2015). Hal ini dibuktikan menerusi penggunaan ayat oleh Datuk Zuri dalam menggambarkan kekuasaannya:

*“Ini daerah saya. Kawasan parlimen saya...”*

Berdasarkan ayat tersebut, elemen kuasa secara jelas ditonjolkan. Oleh yang demikian, menerusi kuasa yang dimilikinya, Datuk Zuri bebas membuat keputusan yang hanya akan menguntungkan beliau. Justeru itu melalui kuasa yang dimilikinya, beliau telah menyalahgunakan kuasa yang dimiliki dengan menipu penduduk di Kampung Jentayu berkaitan dengan harga nilai pampasan tanah penduduk di Kampung Jentayu. Lantaran itu, menerusi elemen kuasa yang dimiliki, secara halus, pengarang cuba menerapkan kepentingan keadilan dan ketelusan yang perlu dimiliki oleh pemimpin dalam mentadbir negara ke arah kemajuan yang menguntungkan individu, masyarakat dan negara.

#### *4.1.2 Sejarah Pemikiran Sosialisme Di Malaysia*

Menerusi analisis pemikiran berdasarkan novel Perempuan Politikus Melayu karya Faisal Tehrani, penekanan terhadap anti-penindasan secara jelas melitinkan pemikiran seorang sosialis. Oleh yang demikian, tidak dapat disangkal pemikiran abstrak tersebut dapat dimantapkan menerusi karya sastera. Kepelbagaian pemikiran dapat dibina bermula dari kecil, sederhana, besar dan luar biasa serta ke hadapan, dimana ia akan membentuk sebuah citra pemikiran yang konkrit. Oleh itu, menerusi kajian ini, salah satu pemikiran pengarang yang menarik untuk disorot ialah pemikiran politik. Pemikiran politik ini adalah antara konsep-konsep yang terdapat dalam politik. Ianya digunakan bagi melaksanakan suatu tindakan politik dalam mencapai sesuatu tujuan politik itu sendiri. Demikian itu, pemikiran politik ini dikaitkan dengan gagasan-gagasan politik seseorang yang mengandungi nilai-nilai dan norma-norma yang ingin dicapai menerusi pemikiran politik yang diwujudkan (Febri Suwarsa, 2018). Meskipun terdapat pelbagai konsep pemikiran politik, namun begitu, konsep yang diperkenalkan oleh Karl Marx bersesuaian dengan pemikiran politik Faisal Tehrani. Lantaran itu, pemikiran politik yang akan dibicarakan adalah berkaitan aspek sosialisme yang merupakan komponen fahaman politik yang terkandung dalam teks kajian. Falsafah sosialisme dari sudut etimologinya wujud daripada perkataan Latin iaitu *sociare* atau *socius* yang bermaksud menggabungkan atau berkongsi. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan taraf hidup melalui kaedah kolektif yang berusaha mewujudkan masyarakat yang adil.

Menyingkap sejarah awal sosialisme, Karl Marx (1818-1883) dikatakan antara pelopor terawal yang membentangkan idea tersebut. Seiring perkembangan zaman, idea ini telah mengalami banyak perubahan. Namun begitu, secara umumnya, sosialisme mencakupi persoalan sosio-politik, budaya dan falsafah sesuatu bangsa. Meskipun begitu, idea utamanya dikuatkan dengan sistem pengagihan nilai-nilai material (ekonomi) dalam masyarakat sebagai landasan utamanya. Meneliti lebih dalam, pemikiran Marx tentang sosialisme ini terlahir akibat situasi politik represif di Prusia atau German yang telah menghapus kebebasan manusia (Bahari, 2012). Tema besar yang diketengahkan dalam pemikiran Marx ini sebenarnya lebih ditumpukan kepada konsep kritikan ekonomi politik. Hal ini demikian kerana, Marx percaya, kewujudan kapitalisme hanya akan menindas manusia dan menyebabkan keterasingan antara manusia berlaku. Justeru itu, pemikiran sosialisme ini terbentuk bagi membebaskan masyarakat dari penindasan sistem politik yang sebegini.

Sehubungan dengan itu, secara umumnya sosialisme boleh dikatakan sebagai satu bentuk pemikiran yang bersandarkan kepada pembahagian ekonomi negara yang sama rata kepada semua lapisan masyarakat dengan analoginya “satu untuk semua; semua untuk satu”. Ini bertujuan untuk menggambarkan bahawa setiap masyarakat perlu diberikan peluang dan agihan ekonomi yang sama rata tanpa berlakunya penindasan. Justeru itu, penolakan kepada sistem kapitalisme merupakan unjuran utama bagi idea Marx. Hal ini kerana, amalan kapitalisme yang lebih cenderung kepada kaum pemodal atau golongan elit telah menyebabkan mereka seolah-olah mempunyai hak untuk menguasai, mengaut dan menggunakan keuntungan sedangkan rakyat yang tidak memiliki modal akan menderita, terabai dan ditindas oleh golongan tersebut. Lantaran itu, peri laku tersebut dirisaukan akan menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan rakyat yang pada akhirnya akan menjerumus kepada masalah utama seperti kepincangan sosial, kerapuhan sistem pentadbiran kerajaan dan politik serta negara berada dalam tampuk pemerintahan yang statik akibat ketidak-adilan dalam pengagihan sistem ekonomi. Maka dengan itu, tidak hairan apabila ideologi sosialisme ini berkembang dan diterima pakai di seluruh negara.

Di Malaysia misalnya, sosialisme ini juga merupakan antara fahaman politik sesetengah tokoh-tokoh radikal Melayu yang berhaluan kiri misalnya seperti Ahmad Boestamam yang gigih dalam menawarkan satu bentuk pemikiran sosio-politik alternatif kepada Malaysia suatu ketika dahulu. Ini secara tidak langsung melitinkan bahawa penyebaran ideologi ini berlaku secara meluas. Perkembangan awal sosialisme di Malaysia dikesan sekitar tahun 40-an melalui perjuangan tokoh-tokoh kiri berbangsa Melayu yang bergerak secara berkumpulan melalui parti-parti politik radikal seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Motif utama mereka adalah mempersoalkan kemiskinan orang Melayu di negara ini dengan bergerak aktif dalam menentang monopoli ekonomi oleh penjajah British. Ini disebabkan dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan oleh British telah menyebabkan kehidupan orang Melau bergantung kepada ekonomi sara diri dengan mengusahakan sektor pertanian, kebun getah dan sawah padi manakala buruh asing berbangsa Cina dan India memonopoli sektor industri bijih timah dan sektor perladangan dikuasai oleh buruh India. Lantaran itu, tokoh-tokoh pejuang radikal Melayu telah menentang ketidak-adilan sistem kapitalis yang diamalkan di Malaya. Penggunaan akhbar secara menyeluruh sebagai doktrin penyebaran dan karya sastera digembleng secara aktif bagi mengutuk tindakan British. Umpamanya, Ishak Haji Muhammad menerusi novel satiranya *Puteri Gunung Tahan* (1938) dan

*Anak Mat Lela Gila (1941)* yang memaparkan British sebagai sosok yang negatif hanya datang ke Malaya disebabkan wang tanpa memperdulikan kepentingan dan hak pribumi.

Namun begitu, dalam konteks negara Malaysia, ideologi pemikiran sosialisme ini kurang popular setelah mencapai kemerdekaan. Namun, masih ada yang mengamalkan ideologi tersebut dalam kalangan pimpinan parti berhaluan kiri. Meskipun kebanyakan masyarakat tempatan secara holistiknya tidak dapat menerima ideologi tersebut, namun tidak dapat disangkal idea-idea yang diutarakan dalam sosialisme ini masih mempunyai nilai estetika tersendiri sehingga mampu mempengaruhi pemikiran sesetengah masyarakat. Menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* sebagai contoh, pengkaji dapat melihat pembinaan beberapa plot penceritaan yang menceritakan tentang penindasan golongan atasan kepada rakyat biasa dari segi mengaut keuntungan. Pembinaan watak sebagai ahli politik yang mungkir janji dan menindas rakyatnya dengan merampas tanah penduduk cukup membuktikan bahawa pengarang cuba melihatkan sisi gelap kapitalisme dan keperluan terhadap sosialisme. Justeru itu, pengkaji secara tidak langsung dapat mengaitkan ideologi pemikiran Marx yang berlandaskan sosialisme dengan pengarang yang membina jalan cerita dengan memaparkan penyalahgunaan kuasa politik dalam menindas rakyat untuk mendapatkan kekayaan. Justeru itu, novel garapan beliau ini merupakan gambaran real politik yang berlaku pada tahun 1997/1998. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, Faisal Tehrani cuba memberi gambaran bahawa idea Marx tentang perjuangan kelas dan kapitalisme ini adalah benar dan diperlukan dalam mengubah sistem sosio-politik dan sosio-ekonomi negara.

#### *4.1.3 Pemikiran Kepolitikan Menerusi Ideologi Sosialisme Dalam Teks Kajian*

Menerusi teks kajian pula, mesej sosialisme agak terserlah menerusi pembinaan plot penceritaan serta persoalan yang dipaparkan dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*. Kehadiran mesej sosialisme tersebut dapat dikesan melalui skop persoalan iaitu prinsip dan perjuangan dan isu kontemporari. Pengarang secara tersiratnya telah mengeksplotasikan kedua-dua skop persoalan tersebut ketika menyalurkan mesej sosialisme yang kadang kala tidak begitu ketara sekiranya tidak diamati dan dikaji secara mendalam terhadap mesej yang ingin disampaikan. Oleh yang demikian, huraian lengkap berkenaan dengan ketiga-tiga skop persoalan tersebut akan diterangkan secara terperinci bagi menampakkan mesej-mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang menerusi novel penulisannya.

##### *4.1.3.1 Skop Persoalan Prinsip dan Perjuangan*

Bagi menerangkan skop persoalan ini, pengarang telah membina jalan cerita yang melihatkan keburukan kapitalisme. Pembinaan watak-watak seperti orang kampung yang mengamalkan ekonomi sara diri dan orang politik yang mempunyai syarikat besar merupakan simbolik kepada kewujudan kapitalisme. Hal ini kerana, menerusi pembacaan secara teliti yang dibuat, pengkaji dapat melihatkan bahawa, pengarang cuba menyampaikan mesej dalam banyak cara bahawa kapitalisme ini hanya menguntungkan golongan pemodal. Umpamanya, melalui dialog yang terus menjurus kepada pendedahan mesej tanpa berselindung. Berikut merupakan petikan dialog yang melihatkan pemikiran kapitalisme yang cuba pengarang gambarkan. Sebagai contoh:

*“Tuan Fratcheddu kita berniaga di sini... kita golongan pemodal... kita dipanggil kapitalis...”*

*“...Dan seorang kapitalis memikirkan untung dan mengelakkan rugi...”*

Nyata sekali, pembinaan watak Datuk Zuri sebagai ahli politik yang mempunyai pemikiran kapitalisme hanya memikirkan tentang keuntungan tanpa mengambil kira nasib rakyatnya. Demikian itu, kewujudan watak-watak lain seperti Haji Chenon, Mak Milah, Jora, Irfan, Jenny dan Chai Yin dibina untuk mengkritik atau sebagai unjuran kepada penolakan kapitalisme atau lebih mudahnya dipanggil anti-kapitalisme. Hal ini demikian kerana, pembinaan watak-watak orang kampung yang dimainkan oleh Haji Chenon, Mak Milah dan Jora merupakan antara watak penting yang berhabis-habisan menolak kepada penindasan akibat kapitalisme. Kajian teks dibawah merupakan bukti penolakan kapitalisme.

*“Baiklah, nampak Haji tak mahu selesaikan dengan baik, saya akan teruskan dengan projek. Wang Cuma 18 ribu... ambil atau balik.”*

*“Jadi, saya akan balik tapi saya akan melawan. Haji Chenon bangun dan menuju ke pintu. Sebelum keluar dia menoleh ke arah Datuk Zuri lalu berkata tegas. Samada saya menang dan dapat 50 ribu untuk setiap relung atau saya lebih rela mati saja. Saya sudah tua, sudah puas hidup... baik juga jika mati berjuang”*

Menurut pengamatan pengkaji, menerusi dialog di atas, Haji Chenon secara terang-terangan menuntut keadilan dari segi ekonomi. Nilai tanah yang dipinta merupakan nilai semasa harga tanah pada ketika itu. Namun, disebabkan Datuk Zuri merupakan ahli Parlimen di kawasan Jentayu tersebut, beliau cuba mengeksploitasi nilai tanah dan membayar orang kampung dengan harga yang lebih murah. Lantaran itu, pengkaji berpandangan bahawa kapitalisme ini bagai duri dalam daging terhadap pemerintahan negara. Hal ini disebabkan oleh kapitalisme yang hanya mementingkan golongan elit dan golongan bangsawan tanpa mengambil kira nasib golongan bawahan telah menyebabkan berlakunya keruntuhan nilai moral. Ini juga telah dibahas oleh Marx (1881-1883) yang berpandangan bahawa, masyarakat kapitalis ini terbahagi kepada dua golongan iaitu *bourgeoisie* (tuan tanah/golongan pemodal) dan *proletariat* (buruh). Justeru itu, dalam masyarakat kapitalis, status seseorang itu amat penting dan ditentukan oleh jumlah harta benda yang dimilikinya. Semakin banyak harta yang dimilikinya, semakin tinggi kedudukan kelas sosial. Dengan sebab ini, wujudlah golongan yang tidak berpuas hati seperti yang digambarkan oleh pengarang menerusi *Perempuan Politikus Melayu*. Watak Datuk Zuri yang memiliki status sosial yang tinggi telah memaparkan bahawa beliau memiliki punca-punca kuasa yang cuba memaksimumkan keuntungan dengan mengurangkan nilai tanah penduduk di Kampung Jentayu. Akibat daripada itu, wujudlah golongan yang tidak berpuas hati serta tertindas yang diperankan oleh watak Haji Chenon, Jora serta penduduk Kampung Jentayu yang lain.

Menilai dari ruang lingkup sebenar dunia, setiap negara mempunyai undang-undang dan masyarakat mereka mempunyai hak kebebasan asasi. Dalam konteks Malaysia sendiri, kebebasan memiliki harta merupakan antara hak yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dibawah hak dan kebebasan asasi seseorang yang tidak boleh dipertikaikan. Ianya jelas dibawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 13 yang menerangkan bahawa:

*“Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang”*

*“Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi”*

Menerusi peruntukan akta diatas, dapat dilihat bahawa hak-hak masyarakat telah dijaga menerusi Akta Pengambilan Tanah 1960. Tanah merupakan antara sumber harta yang menjadi lambang kekuasaan seseorang. Justeru itu, apabila seseorang kehilangan tanah (harta) seolah-olah ia kehilangan kuasa. Lantaran itu, wujud undang-undang berkaitan tanah bagi memastikan seseorang yang memiliki harta tidak dilucutkan haknya sewenang-wenangnya dengan tidak memberi pampasan yang mencukupi. Namun begitu, pada tahun 1997/1998, kita dapat melihat bahawa berlaku kelompongan dalam pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini. Hal ini disebabkan oleh isu pengambilan tanah oleh kerajaan negeri Kedah di kawasan Kampung Datuk Murad dan Kampung Tok Bidan untuk dimajukan menjadi Kompleks Islam Yayasan Bukhary telah melihatkan berlakunya penindasan terhadap penduduk di kampung tersebut. Ketidakpuasan hati berlaku apabila nilai pampasan yang dibayar tidak setimpal dengan nilai semasa tanah pada ketika itu. Meskipun proses pengambilan tanah ini tidak mendapat bantahan penduduk di sana dan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 namun, terdapat beberapa tuntutan berkaitan hak asasi mereka. Antara rayuan mereka adalah untuk memberi nilai pampasan tanah yang setimpal dan rumah mereka mengikut harga semasa serta ehsan untuk penempatan semula yang sesuai dan wajar.

Akan tetapi, tuntutan mereka ini tidak diambil kira oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan Bukhary Reality Sdn Bhd sebagai ejen pemaju. Situasi ini telah menyebabkan penduduk yang terlibat berasa tidak puas hati dan kurang senang (*MalaysiaKini, 2008*). Keadaan ini jelas melihatkan kelompongan menerusi Akta Pengambilan Tanah 1960, yang tidak memperuntukkan sebarang rundingan awal/terdahulu (*pre-acquisition*). Namun begitu, dari segi logiknya, kerajaan negeri dan ejen pemaju seharusnya memikirkan situasi terbaik yang boleh ditawarkan kepada penduduk di Kampung Datuk Murad dan Kampung Tok Bidan memandangkan mereka ini rata-ratanya penduduk yang berpendapatan rendah dan miskin. Oleh sebab itu, sebagai golongan atasan, yang mempunyai ‘tanggungjawab sosial’ rundingan atau kaedah berpatutan adalah wajar dilakukan supaya penduduk di kawasan terlibat dapat meneruskan kehidupan seharian dengan baik setelah memberi tanah mereka untuk tujuan pembangunan.

Sehubungan dengan itu, menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* ini juga, pengkaji dapat melihatkan bahawa, pengarang cuba menengahkan idea sosialisme yang lebih menyangkut aspek kehidupan masyarakat yang sering kali menuntut keadilan. Hal ini kerana, sosialisme adalah doktrin politik yang menekankan pemilikan kolektif dari sudut peranannya dalam menjalankan perekonomian dengan pemilikan masyarakat secara lebih adil dan mengutamakan kemakmuran masyarakatnya (Effendi, 2019). Oleh itu, secara dasarnya, sosialisme ini lebih mengambil kira aspek masyarakat berbanding kapitalisme yang mementingkan diri sendiri. Sistem perekonomian yang mengutamakan kesejahteraan masyarakat dikatakan dapat membina masyarakat yang aman sentosa dan pembahagian sama rata dapat dilaksanakan tanpa berlakunya penindasan ekonomi (Effendi, 2019). Oleh itu, setiap manusia dapat menjalankan sistem ekonomi yang lebih adil dan saksama. Lantaran itu, menerusi novel ini, terdapat petikan ayat yang menuntut tentang keadilan ekonomi, iaitu:

“Kita nak adil. Ini tanah... bukan bola mainan”

Justeru itu, apabila wacana sastera ini dikatakan sebagai cerminan sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara, pengkaji bersetuju. Hal ini secara ringkasnya disebabkan oleh, pengarang kebanyakan menggunakan kemahiran kreativiti yang mereka miliki untuk mengkritik mahupun menyampaikan mesej kepada rakyat untuk memberi kesedaran bagi sesuatu isu yang diketengahkan. Namun begitu, penulisannya mungkin tidak secara langsung dan harus diteliti dengan baik bagi memastikan mesej yang disalurkan dapat kepada pembaca. Perubahan dari segi jalan cerita dan plot mungkin berbeza namun jika dinilai dari tema dan persoalan, kita dapat kaitkan dengan realiti sebenar sesebuah negara berkenaan sesuatu isu yang disampaikan. Oleh itu, novel *Perempuan Politikus Melayu* ini merupakan antara karya sastera novel yang sarat dengan penulisan ideologi bagi menyedarkan masyarakat tentang keburukan kapitalisme dan pembaharuan terhadap sistem negara adalah satu keperluan. Demikian itu, menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*, gambaran tentang orang politik yang hanya ingin mengekalkan kuasa agar dapat mengaut keuntungan ekonomi negara adalah merupakan gambaran realisme politik dan sosial yang sebenar.

#### 4.1.3.2 Skop Persoalan Isu Kontemporari

Skop persoalan isu kontemporari yang difokuskan merangkumi pelbagai perkara; penindasan, ketidak-adilan dan penyalahgunaan kuasa. Pengarang membangkitkan kesemua perihal yang seboleh mungkin mengaitkannya dengan mesej sosialisme. Meskipun idea sosialisme dalam penulisan novel adalah samar-samar namun ia dapat dikenal pasti kerana penentangannya terhadap kapitalisme. Demikian itu, lawan kepada kapitalisme adalah sosialisme yang berkaitan tentang perjuangan berhubung rakyat jelata sebagai asas perjuangan. Pengkaji mendapati bahawa skop persoalan mengenai isu kontemporari ini boleh disandarkan kepada tiga perkara yang dijadikan polemik dan perbincangan watak. Justeru itu, pengarang mengangkat isu-isu seperti penindasan, ketidak-adilan dan penyalahgunaan kuasa sebagai pokok persoalan dalam menyampaikan mesej sosialisme secara tersirat dan implisit. Sehubungan dengan itu, pembacaan rapi diperlukan bagi melihatkan mesej yang ingin disampaikan. Hal ini kerana, menerusi pembacaan, pengkaji secara tidak langsung dapat meneliti tentang realiti dunia politik negara yang berlangsung ketika itu. Maka, pengkaji akan membincangkan persoalan politik yang terdapat dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*.

##### a) Penindasan

Kehidupan masyarakat yang mewarnai pelbagai sektor ekonomi telah menyebabkan wujudnya pelbagai hubungan antara kelas sosial. Hal ini selari dengan pandangan Marx (1818-1883) dalam meneliti sejarah manusia melalui dua aspek iaitu faktor ekonomi yang melihatkan rangkaian tahap perkembangan manusia meliputi kaedah pengeluaran produk dalam menentukan perubahan kehidupan manusia (A.Z. Abidin & Baharudin, 1968) dan faktor kedua yang melibatkan sosial masyarakat yang secara semula jadinya suka bergaul. Oleh yang demikian, faktor sosial ini tidak akan lengkap sekiranya tidak wujud hubungan antara faktor ekonomi. Hal ini kerana kehidupan sosial manusia memerlukan faktor ekonomi untuk menghasilkan barangan atau produk bagi memenuhi keperluan hidup (Ozinga, 1991). Demikian itu, wujud kelas-kelas sosial yang akhirnya akan memacu ke arah perjuangan kelas. Hal ini disebabkan oleh penindasan yang berlaku dalam kelas sosial menjadi pemangkin semangat kepada

kaum tertindas untuk bangkit mempertahankan hak mereka dari terus menjadi ‘kuda tunggangan’ kaum kapitalis (Indriaty Ismail & Mohd Zuhaili, 2012). Sehubungan dengan itu, menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*, persoalan berkaitan perjuangan terhadap penindasan turut disentuh oleh pengarang. Secara tidak langsung, pemikiran sosialisme yang sinonim dengan perjuangan terhadap penindasan telah berjaya diserapkan dalam pembinaan jalan cerita.

Seterusnya, melalui kritikan sosial yang dibina dalam novel ini, pengarang berjaya memaparkan seorang pemimpin yang mementingkan diri dan menindas rakyat melalui penciptaan watak Datuk Zuri sebagai ahli Parlimen di Kampung Jentayu. Secara moralnya, sebagai seorang pemimpin, mereka mempunyai tanggungjawab dan kepercayaan masyarakat dalam memimpin negara ke arah kemajuan. Peranan dan tanggungjawab yang dimilik seharusnya dijalankan secara amanah dengan menggubal dasar-dasar negara yang dapat membangunkan sistem ekonomi dan sosial. Namun begitu, menerusi Novel *Perempuan Politikus Melayu*, pengarang menggambarkan sosok ahli politik sebagai sebaliknya. Datuk Zuri yang digambarkan sebagai seorang kapitalis yang tidak amanah dan suka menindas kaum bawahan. Kajian teks dibawah menunjukkan sikap tidak amanah yang diketengahkan oleh pengarang terhadap watak Datuk Zuri terhadap golongan bawahan di kampung Jentayu:

*“saya fikir... kalau mereke mahu 50 ribu kita beri saja Datuk...*

*“[N]o way... mereka ini tidak tahu satu apa pun mengenai nilai tanah mereka itu. Mereka ini Cuma orang kampung yang tak maju dan tak membangun.”*

*“Sudah dua hari diutus segala macam jentera. Besar dan mengaum-ngaum. Tanah mereka dimasuki walaupun mahkamah telah memerintahkan supaya kerja-kerja penjarahan itu berhenti buat sementara...”*

Melalui teks tersebut, penggunaan ayat tersurat ini secara terang-terangan telah menjelaskan sifat asli pemimpin. Hal ini sememangnya berlainan dengan takrifan dan prinsip yang diterapkan dalam diri seorang pemimpin. Sikap tidak amanah dan mementingkan diri ini secara tidak langsung akan menyebabkan rakyat tidak selesa dengan pemimpin mereka sendiri. Lantaran itu, akan wujudnya penentangan dan pepecahan sosial dalam kalangan masyarakat. Meneliti novel ini, pengarang juga memasukkan unsur penentangan melalui penyatuan masyarakat di Kampung Jentayu dalam menghalang tanah mereka daripada dijarah oleh jentera milik Datuk Zuri. Hal ini demikian kerana, sebagai rakyat mereka berasa tertipu dan tertindas oleh pemimpin yang mereka sendiri pilih. Menerusi dialog yang dilontarkan “*Dan jangan harap awak nak menang di parlimen ini lagi*” oleh Haji Chenon dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* jelas melihatkan kemarahan dan kekecewaannya terhadap kepimpinan Datuk Zuri.

Justeru itu, sebagai seorang pemimpin, sikap dan ciri-ciri pemimpin perlu sehati dalam diri agar dapat menonjolkan sikap baik yang bersesuaian dengan status dirinya

sebagai pemimpin. Tambahan pula, ahli politik ini dipilih melalui pilihan raya dimana kuasa pemilihan terletak di tangan rakyat. Seiringan itu, apabila diberi mandat untuk memerintah, mereka seharusnya tidak mengkhianati undi rakyat. Menurut K. Ramanathan dalam Y. Mansoor Merican (1982:101), tiada seorang pun akan dibenarkan mementingkan dirinya sendiri dan mengejar matlamat ke atas orang lain. Maka tidak hairan sekiranya berlaku perkara tersebut, rakyat akan bangun menentang mereka yang secara terang-terangan menindas kelompok rakyat marhaen. Hal ini turut terjadi dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*, melalui watak Haji Chenon, yang merupakan golongan Tua yang sama-sama berjuang menuntut kemerdekaan terhadap penjajah. Penindasan yang dirasainya dahulu membuatkan Haji Chenon tidak lagi mahu dijajah oleh bangsa sendiri. Lantaran itu, pengarang telah menerapkan sikap berani dalam watak Haji Chenon.

### **b) Ketidakadilan**

Selain isu penindasan, pengarang juga turut memasukkan elemen ketidakadilan dalam susur galur penceritaan bagi menampakkan kesinambungan penderitaan yang dialami oleh penduduk di Kampung Jentayu. Hal ini seolah-olah memberi gambaran bahawa ketidakadilan ini tercetus daripada penindasan yang terjadi. Demikian itu, ketidakadilan dalam pembahagian nilai tanah dan pengamalan undang-undang di kalangan masyarakat Jentayu merupakan antara situasi yang dibangkitkan di dalam novel ini. Haji Chenon yang telah dilantik sebagai ketua untuk mengetuai gerakan penentangan terhadap penjarahan tanah telah bersuara terhadap isu pembikinan kondominium dan padang golf di atas tanah penduduk kampung. Haji Chenon berhujah:

*“Saudara-saudara sekalian. Tanah kita ini harta pusaka kita. Ada geran sejak dari 60 tahun ke belakang, saya sendiri antara peneroka awal Jentayu. Kita bukan nak lawan pembangunan. Tidak sama sekali! Tapi pembangunan mengkhianati kita dan merosakkan kita. Tidak dapat pula kita kecapi bersama... dahla begitu, kita tak akan sanggup beri tanah kita semata-mata untuk 18 ribu seekar. Ada yang dapat 24 ribu seekar. Kita perlu pampasan yang munasabah. Tanah kita bukan sekadar sawah, ada rumah, ada kebun sayur, pisang, dusun... banyak yang rugi. Bagi yang sanggup beri tanahnya, saya fikir 50 ribu serelung itu munasabah.”*

Menerusi petikan ini, Haji Chenon sedang menerangkan kepada penduduk Jentayu tentang ketidakadilan yang berlaku. Ketidakadilan dalam pembahagian nilai tanah seekar merupakan antara yang terserlah dan dipertikaikan olehnya. Isu ini sememangnya menonjolkan kekurangan terhadap sistem ekonomi kapitalis. Sehubungan dengan itu, demi menuntut keadilan seperti yang digembar-gemburkan oleh sosialisme, Haji Chenon telah membangkitkan semangat penduduk kampung untuk menentang ketidakadilan yang berlaku dengan mengunjurkan bantahan di mahkamah. Haji Chenon dan yang lain seakan-akan percaya terhadap sistem demokrasi negara dengan bertindak melalui saluran yang benar tanpa mereka ketahui, Datuk Zuri telah menutup kesemua jalan penyelesaian terhadap tuntutan mereka. Hal ini dibuktikan dengan teks dibawah:



*“Dengar... dengar sini... kita akan buat bantahan di mahkamah. Yang menentang ramai tapi mereka di pejabat tanah beri boring[sic] 13 keping sahaja. Mereka kawal jumlahnya. Tak ada borang tak boleh nak buat cabaran”*

Berdasarkan petikan di atas, secara jelas melihatkan bahawa keadilan yang cuba ditengahkan oleh Haji Chenon dan penduduk Kampung Jentayu telah disekat melalui pemberian borang yang terhad untuk membuat bantahan di mahkamah. Ini secara jelas melihatkan bahawa ketidakadilan itu mudah untuk difahami melalui situasi yang menggambarkan penderitaan, orang miskin, buruh dan masyarakat marhaen yang ditindas. Oleh yang demikian, beberapa tokoh falsafah antaranya seperti Rawls, Locke dan Marx cuba menerangkan bahawa keutamaan tertinggi manusia adalah dengan menegakkan keadilan dalam institusi sosial. Sekiranya keadilan gagal dicapai melalui sistem politik yang digunakan sekarang, keperluan kepada reformasi adalah wajar. Hal ini demikian kerana, ketidakadilan hanya boleh endahkan jikalau ingin menghindari ketidakadilan yang lebih besar (Alwino, 2016). Justeru itu, melalui watak Haji Chenon yang mempunyai latar belakang sejarah melawan Inggeris semasa penjajahan telah menyebabkan Haji Chenon sedar akan ketidakadilan yang berlaku melalui pembahagian nilai tanah yang tidak sama rata dan penindasan ahli politik dalam mengagihkan nilai pampasan yang bawah daripada nilai tanah semasa.

Seterusnya, pengarang turut memasukkan elemen pemikiran masyarakat yang tidak percaya kepada sistem pemerintahan negara. Pengarang menggunakan konteks undang-undang dalam menggambarkan situasi tersebut. Hal ini demikian kerana, mereka percaya sekiranya penentangan berjaya dilakukan, undang-undang tidak akan pernah berpihak kepada mereka. Situasi ini merupakan pemikiran Jora yang beranggapan bahawa:

*“Walaupun dah peguam menghulur bantuan dari kumpulan-kumpulan bebas, mereka sendiri terpaksa berdepan dengan kenyataan, yang ditentang ialah sebuah rangkaian sistem yang zalim.”*

Oleh yang demikian, pemikiran tersebut telah menyebabkan mereka lemah semangat dan menentang mengikut kemampuan mereka sahaja. Jika dinilai melalui aspek hak asasi manusia, penduduk Jentayu mempunyai hak mendapatkan pembicaraan adil dan saksama terhadap tuntutan yang dibuatnya. Namun demikian, kenyataan berkaitan sistem zalim yang ditentang menyebabkan segala usaha dan bantuan terbantut. Selain itu juga, ketidak-adilan yang digambarkan ini secara tidak langsung melihatkan kepada keperluan penubuhan institusi bagi menjaga dan memelihara hak asasi manusia. Oleh yang demikian, melihat dalam konteks Malaysia, sejak kemerdekaan lagi, isu hak asasi ini kurang mendapat perhatian dan hanya dibincangkan dalam sudut ilmu semata-mata (Harlida Abdul Wahab & Asiah Bidin, 2001). Lantaran itu, dari segi pengaplikasiannya di Malaysia, akta suruhanjaya hak asasi manusia hanya mula diluluskan pada tahun 1999 dan dikuatkuasakan pada tahun 2000. Persoalannya, selepas kemerdekaan sehingga tahun 2000, bagaimana nasib masyarakat dibela dan undang-undang dilaksanakan mengikut hak asasi mereka menjadi tanda tanya. Hal ini disebabkan oleh, penceritaan yang digarap oleh pengarang, secara jelas melihatkan penindasan dan ketidak-adilan yang dialami oleh penduduk Jentayu yang merupakan masyarakat biasa manakala, orang yang mempunyai

pangkat seperti Datuk Zuri, sewenang-wenangnya mengaut keuntungan atas tiket ahli parlimen yang dimilikinya. Seiringan dengan itu, pencitraan yang digunakan ini sering kali menggambarkan realisme sosial yang berlaku sehingga kini. Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa pengarang cuba menyampaikan perspektif berbeza dalam novelnya secara tidak langsung dalam memaparkan kisah nyata melalui pengambilan tanah di Kerpan, Kedah pada tahun 1998.

### c) Penyalahgunaan Kuasa

Kuasa dalam politik sering dinilai menerusi konteks kebertanggungjawaban dan amanah orang yang memimpin kepada yang dipimpin. Keadaan ini secara tidak langsung melihatkan bahawa kepercayaan orang yang dipimpin terhadap golongan pemimpin dalam menjaga dan mengekalkan hak asasi mereka. Namun begitu, apabila terlalu berkuasa, kecenderungan untuk menyalahguna kuasa adalah tinggi. Hal ini kerana, apabila berada ditampuk kekuasaan, segala perkara berada dibawah telunjuk yang berkuasa. Lantaran itu, menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*, Faisal Tehrani telah menghadirkan pemikiran politik yang meletakkan setiap individu yang berkecimpung dalam politik akan menfokuskan kepada perjuangan untuk memperoleh dan mempertahankan kekuasaan, mengukuhkan kuasa dan melaksanakan kekuasaan (Fauzi Hasan, Tengku Intan & Madiawati Mamat, 2019). Lantaran itu, dalam novel *Perempuan Politikus Melayu*, pemikiran kegiatan politik dan penyalahgunaan kuasa menjadi fokus utama dalam menggambarkan tentang situasi masyarakat yang tertindas dan budaya politik yang wujud. Permasalahan ini dihadirkan melalui watak Datuk Zuri yang berkonflik dengan penduduk Kampung Jentayu dan perebutan kuasa antara Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi.

Sorotan watak Datuk Zuri yang merupakan seorang kapitalis telah menyebabkan Datuk Zuri digambarkan sebagai seorang pemimpin yang tamak dan menggunakan kuasa untuk kepentingan diri dan politiknya (Fauzi Hasan, Tengku Intan & Madiawati Mamat, 2019). Demikian itu, kesedaran dalam mengekalkan kuasa dan pengaruh yang memerlukan duit dan pengaruh yang kuat telah menyebabkan Datuk Zuri menggunakan kedudukannya sebagai ahli politik untuk memiliki banyak syarikat bagi mengukuhkan kedudukan dan kerjaya politiknya. Kesedaran terhadap keperluan tersebut telah menyebabkan Datuk Zuri melebarkan sayapnya dengan membina syarikat yang dikenali sebagai READ dan mempunyai 27 buah anak syarikat yang aktif dalam perniagaan harta tanah. Disebabkan Datuk Zuri seorang ahli politik dan ahli perniagaan, mudah baginya untuk mengakses kepada tanah-tanah kawasan Parlimen yang dimenangnya. Misalnya, tanah di Kampung Jentayu akan dibangunkan menjadi padang golf dan membina kondominium oleh anak syarikatnya bernama *Red Jentayu Development Corporation*. Lanjutan daripada itu, penentangan daripada penduduk di Kampung Jentayu telah menyebabkan Datuk Zuri menggunakan kuasanya dengan mengupah ketua kampung untuk mempengaruhi dan mendapatkan persetujuan penduduk di Kampung Jentayu. Namun begitu usaha tersebut gagal. Hal ini telah melihatkan bahawa Datuk Zuri telah menyalahgunakan kuasanya sebagai ahli politik untuk merampas tanah penduduk di Kampung Jentayu untuk membangunkan kawasan elit yang hanya akan menguntungkan orang-orang kaya dan dirinya sahaja. Selain itu, penyalahgunaan kuasa juga boleh dilihat melalui watak Tan Sri Yadi yang gagal untuk menyekat dan menjatuhkan Datuk Zuri.

Tan Sri Yadi yang merupakan saingan Datuk Zuri telah menggunakan pelbagai cara untuk menjatuhkan karier politik Datuk Zuri melalui permainan media berkaitan skandal yang melibatkan Jenny dan Datuk Zuri sebagai pasangan kekasih dan lapar tanah rakyat. Hal ini dilibatkan menerusi kekuasaan Tan Sri Yadi dalam mengawal media yang diperkatakan oleh Irfan dan rakan kerjanya iaitu:

*“itulah aku katakan tadi kepada mereka, kalau ada politikus masuk bilik dia atau Tan Sri sendiri yang terjah dia di bilik; itu namanya event of the year”*

Oleh itu, disebabkan kekuasaan dalam mengawal media yang dikawal oleh Tan Sri Yadi telah menyebabkan kebebasan media ini terhad. Melalui kuasa yang dimilikinya sebarang berita yang dikeluarkan mengenai Datuk Zuri perlu kelihatan jahat dan tidak bermoral. Keterdesakan Tan Sri Yadi dalam menjatuhkan reputasi Datuk Zuri dapat dilihat melalui perbincangannya dengan Ketua Pengarah Media Detik:

*“Begini Datuk ... err... Datuk Zuri itu kan tak sekepala dengan kawan-kawan saya. Awak bukan tak tahu yang saya pun tak boleh get along dengan dia sangat. Begin, dia selalu bikin trouble dalam parti. A trouble maker. Adu domba, tabor duit sana sini, not nicelah. Kita orang Melayukan? Err, Datuk Zuri ni dulunya berjalan, sejak ada Detik Nampak gagah berlari pula. Kadang-kadang terlampau melangkah lajunya.”*

Menerusi petikan diatas, pengkaji melihatkan bahawa, Media ini kebanyakannya dimiliki oleh orang yang mempunyai kuasa politik melalui pemilikan saham dalam syarikat media itu sendiri. Hal ini bagi memudahkan pengawalan terhadap media. Oleh itu, media ini juga dijadikan jentera bagi memburukkan pihak lawan atau memaparkan sisi baik ahli politik yang akan bertanding. Justeru itu, penggunaan ayat *“power corrupts, absolute power corrupt absolutely”* yang sering dilaungkan oleh Jenny kepada ahli politik adalah sesuatu yang munasabah. Dalam konteks realiti semasa, kebebasan media konvensional seperti akhbar dan televisyen sememangnya telah dikawal sejak dahulu lagi. Hal ini demikian kerana, kesedaran terhadap kuasa yang dimiliki oleh media dalam mempengaruhi khalayak menyebabkan ahli politik ingin menguasai media. Oleh itu, kerajaan telah mewujudkan undang-undang bagi mengawal kebebasan media. Antaranya melalui Akta Rahsia Rasmi (1972), Akta Hasutan (1948), Akta Fitnah (1957) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) (Adibah, Mohd. Kharie & Che Su, 2017). Hal ini jelas melihatkan pengawalan terhadap media masih lagi berlaku melalui hubungan rumit antara kerajaan dengan parti politik di Malaysia. Namun begitu, perkembangan dunia dengan kewujudan media sosial telah menyebabkan proses penyebaran maklumat, melebarkan capaian, menyampaikan pandangan menjadi lebih terbuka dengan adanya internet dan media sosial.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneroka, menganalisis dan menilai aspek pemikiran politik yang cuba diterapkan melalui novel *Perempuan Politikus Melayu*. Lantaran itu, signifikan

kajian ini adalah untuk menganalisis penulisan Faisal Tehrani dengan melihat keberkesannya dalam membentuk pemikiran masyarakat berkenaan dengan politik. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana dalam penulisan akademik mereka hanya banyak menyentuh berkenaan dengan profesionalisme penulis dalam menyampaikan buah fikiran mereka menerusi coretan dan nukilan yang dipersembahkan dalam bentuk penulisan novel tanpa menyentuh fungsi novel sebagai komunikasi politik. Justeru itu, kajian ini cuba untuk menunjukkan bahawa melalui karya sastera ini, komunikasi politik berhasil dalam membentuk pemikiran masyarakat berkenaan dengan politik, isu semasa, peradaban dan segala yang berkaitan dapat dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, disebabkan impak dan gaya penulisan yang digunakan secara tidak langsung memberi kesedaran kepada masyarakat untuk celik politik agar tidak mudah diperdaya dengan orang yang mempunyai kuasa. Sehubungan dengan itu, elemen sosialisme dikesan melalui pembinaan watak-watak protagonis dan antagonis yang menggambarkan tentang ketamakan dan perjuangan menuntut keadilan secara jelas melihatkan pengarang cuba membina plot penceritaan yang menentang pemimpin yang tidak telus dan kapitalisme. Secara umumnya, watak-watak yang dibina adalah relevan dengan isu yang diketengahkan kerana permasalahan yang wujud menerusi saluran penceritaan novel *Perempuan Politikus Melayu* ini sememangnya berlaku dalam realiti semasa dunia. Kajian juga mendapati, dalam skop persoalan prinsip dan perjuangan, pengarang telah berjaya memaparkan sisi kapitalisme yang hanya menguntungkan golongan elit dan menyebabkan golongan bawahan menderita akibat ketamakan orang atasan. Kesannya dapat dirasai melalui perkembangan sosial masyarakat yang tidak berkembang dan sukar untuk keluar daripada tampuk kemiskinan. Hal ini dapat dikaitkan dengan pembangunan yang tidak saksama melalui pembahagian nilai ekonomi yang tidak adil dalam usaha memajukan negara. Impaknya, ia akan memberi kesan kepada imej negara yang gagal menjaga kebajikan rakyat semasa memacu negara ke arah pembangunan. Secara tidak langsungnya, ia juga turut akan menyebabkan kemunculan penentangan daripada golongan yang ditindas untuk menuntut keadilan terhadap diri mereka.

## Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2011). *Proses Kreativiti A. Samad Said Berasaskan Teori Teksdealism*. Jurnal Melayu (6) 2011:153-168.
- Adibah Ismail, Mohd Khairie & Che Su. (2017). Interpretation of press freedom as value guiding the practice of investigative journalism in malaysia: the practitioners' perspective dalam *Democratisation of Media: Issues and realities*, Unimas: Sarawak
- Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakob Hassan & Muhammad Haron Husaini. (2013). *Permasalahan Sosial dan Politik dalam Novel Terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad*. Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge, WCIK Langkawi, Malaysia. e-ISBN 978-967-11768-2-5
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). *Pemikiran Politik: Pemimpin Dan Kepemimpinan Dalam Novel Shahnnon Ahmad*. Institusi Alam dan Tamadun Melaku, UKM
- Che Abdullah Che Ya. (2015). *Bayangan Wacana Politik Dalam Karya Sastera: Analisis Novel Kawin-Kawin*. Jurnal Komunikasi Jilid 31(2):461-476. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal Tehrani, *Perempuan Politikus Melayu*, Dubook Press Sdn.Bhd. ISBN978-967-0723-69-3

- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat. (2019). *Pemikiran Faisal Tehrani Berdasarkan Novel-Novel Pilihan*. JMS Vol. 2 Issue 1, 193 – 233
- Febri Suwarsa, Luvi. (2018). *Pemikiran Politik Mohammad Hatta tentang Demokrasi dan Kedaulatan Rakyat*. Indonesia: Universitas Siliwangi.
- Hashim Ismail. (2010). *Kesusasteraan Melayu Moden 1980–1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nimmo, D. (1993). *Political communications: Communicator, Message and Medium*. Bandung: Rosda Karya.
- Syamsul Effendi. (2019). *Perbandingan Sistem Ekonomi Islam dengan Sistem Ekonomi Kapitalis dan Sosialis*. Jurnal Riset Akuntansi Multiparadigma.